

Ilmuan Islam diseru tangani fahaman mengelirukan



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin semasa berucap dan merasmikan Seminar Kebangsaan Mazhab Syafi'i.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) telah mengadakan Seminar Kebangsaan Mazhab Syafi'i, bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA.

Seminar tersebut dirasmikan Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin selaku tetamu kehormat.

Timbalan Mufti Kerajaan semasa menyampaikan ucapannya berkata, dalam menghadapi era kemajuan yang pesat, Umat Islam

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

pada masa ini tidak terlepas dari berdepan dengan fahaman yang mengelirukan.

Tegasnya, ini ditambah dengan wujudnya kecanggihan media sebagai alat penyebaran maklumat dengan cepat dan tanpa sepadan serta terus tersebar. Katanya lagi, dengan tersebarnya maklumat yang jelas bercanggah dengan kesucian Islam, merupakan perkara yang perlu ditangani oleh semua orang Islam terutama para ilmuan Islam.

Pembentangan ucaptama daripada Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Malaysia, Yang Berbahagia Dato (Dr.) Haji Nooh bin Gadot dengan tajuk Maqsid Syariah: Amalan Negara Madinah Sebagai Motivasi Kepadanya Negara Islam Kontemporari, menyimpulkan sekiranya maqsid syariah dan wasatiyyah dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna maka gejala Islamphobia yang meracuni pemikiran barat dan dunia terutama golongan bukan Islam dapat dielak dan dijauhi.

Sesi sebelah pagi disambung dengan pembentangan dari tiga panel iaitu pembentangan oleh

Pegawai Istibat di Jabatan Mufti Kerajaan, Dayang Hajah Siti Khadziah binti Haji Emran dengan tajuk Maqsid Syariah Dalam Fatwa Mufti Kerajaan Berkaitan Amalan Masyarakat Brunei dan diikuti oleh Penolong Kanan Profesor, Timbalan Dekan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Abdul Rauf Amin dengan tajuk Maqsid Syariah: Memperkuatkan Negara Zikir.

Manakala Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Saharuddin bin Haji Patra membentangkan tajuk Maqsid Syariah Dalam Isu-Isu Perkahwinan Di Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, pembentangan pada sebelah petang menghuraikan mengenai Maqsid Syariah Sebagai Landasan Penerapan Dalam Institusi Kewangan Islam Di Negara Brunei Darussalam oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA, Dr. Azme bin Haji Matali diikuti dengan pembentangan daripada Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA, Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Seminar Kebangsaan Mazhab Syafi'i.

Haqqi dengan tajuk Maqsid Syariah Dalam Pelaksanaan Perintah Darurat Hukuman Jenayah Syariah 2013 dan terakhir daripada Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Supt Haji Azree Bin Haji Abdul Manaf dengan tajuk Maqsid Syariah Dalam Konteks Menjaga Keamanan Negara.

Dengan tema Maqsid Syariah Pemangkin Negara Makmur, seminar sehari itu menghimpunkan para pembentang dari dalam dan luar negara dengan tujuan untuk memberikan kefahaman mendalam mengenai Maqsid

Syariah dan skop berkaitan dengan mengupas isu-isu mengenainya dari aspek amali.

Turut hadir pada seminar tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal dan Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i selaku Pengerusi Seminar, Dr. Azme bin Haji Matali.

Para peserta seminar terdiri daripada wakil jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, jawatankuasa Takmir Masjid, jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung, para pelajar IPT tempatan serta masyarakat awam.

Penuntut mesti ketahui mengenai ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 April. - Program Kenali ASEAN merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam

sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Selain itu, ia juga bagi mengukuhkan hubungan di antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di negara ini.

Sehubungan itu, Jabatan

Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bertempat Dewan Sekolah Ugama Arab Menengah

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMRIPAD), di sini.

Hadir ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran SUAMRIPAD, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohammad Noor.

Turut hadir ialah tenaga pengajar dan 450 penuntut dari Tahun 8 dan 9 sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan.

Tujuan jerayawara ini adalah untuk membarikan serta membuat pendcdahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa, seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara

ini.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN, selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Taklimat berkenaan dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti. (One Vision, One Identity, One Community).

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz ASEAN dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Jerayawara diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz ASEAN.



Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

- 1) 'Peralatan Untuk Melukis' - Tarikh Tutup : 28 April 2018
 - 2) 'Sukarelawan' - Tarikh Tutup : 12 Mei 2018
 - 3) 'Sukan dan Riadah' - Tarikh tutup 28 Mei 2018
- Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



TIMBALAN Pengetua Pentadbiran Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohammad Noor menyampaikan hadiah kepada pemenang Kuiz ASEAN.